



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

30 Apr 2021 (Jumaat)

Utusan Malaysia

Naskhah lengkap pendakian gunung	1
UEM Edgenta, syarikat Arab Saudi jalin kerjasama strategik	2

Harian Metro

DBKL dah bayar tunggakan	3
UEM Edgenta teroka pasaran Arab Saudi	4

Kosmo

UEM Edgenta teroka pasaran Arab Saudi	5
---------------------------------------	---

Sinar Harian

Pulanglah Sajat, tak lama lagi hari raya	6
Covid-19: MB Selangor panggil sidang khas	7
DBKL langsaikan tunggakan bil air PA Sri Kelantan	8

Malaysiakini Online

Susulan kes naik, MB S'gor mesyuarat teliti semula pelaksanaan PKPB	9
---	---

Nasional FM (87.7)

Covid-19 : MB Selangor Akan Adakan Mesyuarat	10
--	----

Sinar Harian Online

Jangan ulangi nasib Nanggala 402	11
Covid-19: MB Selangor panggil sidang khas esok	12
MAIS sumbang RM2.02 juta bantu golongan asnaf riqab	13
MBSJ kutip sampah pukal percuma menjelang Syawal	14
Ribut di Kalumpang kejutkan penduduk	15

The Star

Bring back practice of Rule 5, say city folk	16
COUNCIL MATTERS	17
VIRTUAL RUN	18
Charting her course	19
MBSA: Illegal stalls in setia alam seized due to complaints	20
Obscure info hinders revival of Sg Buloh flats projects	21
'Get early input from stakeholders'	22

The Sun

UEM Edgenta eyes Saudi healthcare support services, facility management markets	23
---	----

The Malay Mail Online

DBKL investigates water bill issue at Sri Kelantan flats	24
Selangor MB to meet with state security council committee tomorrow to review implementation of CMCO	25

The Star Online

Learn to love our environment	26
S'gor MB calls for special meeting of state National Security Task Force to address recent spike in Covid-19 cases	27



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



China Press

Leong Tuck Chee: Will fight for funding to solve the 3 main problems of Ketam Island's water supply 28

MPK Chairman: 4 housing plans have been restarted, and are now working on solving technical problems. 29

Sin Chew Daily

Trace the close contactors with infected Covid-19 teachers and students; Selangor MB: Determine whether community screening is required 30

Nanyang Siang Pau

Leong Tuck Chee promised to fight for funding, help solve Pulau Ketam's 3 major water supply problems 31

Ronnie Liu: Insist on speaking out, 3 consecutive "love letters" from Discipline Inspection Commission 32

Teng Chang Khim posted an appeal to party members, "Let go of arguments and choose good leaders" 33

Guang Ming Daily

Menteri Besar of Selangor: Tracking the contacts of diagnosed teacher and student and identification of community screening 34

Astro Vinmeen HD

Kes Covid-19 Di Selangor 35



KERATAN AKHBAR		
30 April 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Naskhah lengkap pendakian gunung
Muka Surat	:	23

NEGARA mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Sungguhpun demikian, keadaan tanah air tidak selamat sepenuhnya khususnya di kawasan hutan dan pergunungan sehingga tahun 1989. Ini kerana Parti Komunis Malaya melancarkan cubaan kedua mereka dalam hasrat memiliki sebuah negara komunis.

Tempoh ini disebut sebagai Darurat Kedua atau *Second Emergency* yang berlaku mulai tahun 1960 hingga 1989. Maka dalam tempoh itu dan sehingga Disember 1989, kawasan hutan dan pergunungan hanya berani dikunjungi oleh pasukan keselamatan iaitu Angkatan Tentera Malaysia bagi memburu penganas komunis.


Situasi ini berlarutan sehingga tahun 1992 iaitu selepas jerangkap samar yang ditanam oleh penganas komunis di dalam hutan negara dibersihkan.

Berdasarkan rekod, sehingga tahun 1992, belum ada lagi aktiviti *hiking* di dalam hutan dan pergunungan Negara secara bebas kerana keadaan yang tidak selamat sepenuhnya. Apa yang ada hanyalah aktiviti berburu dan mencari hasil hutan oleh penduduk tempatan atau orang asli. Jika ada, hanyalah melibat kawasan riadah atau *trail* yang diasaskan oleh British semasa negara berada di bawah pentadbiran British.

Antaranya ialah *trail* di kawasan pergunungan Bukit Fraser, Bukit Maxwell, G. Kinabalu, dan Cameron Highland. Selebihnya ialah aktiviti bersukan di kawasan berbukit yang ada di sekitar kampung ataupun Bandar yang cerah dan disahkan selamat.

Aktiviti mendaki mula menjadi popular sekitar

Naskhah lengkap pendakian gunung



awal tahun 1993, apabila ada bekas pesara tentera yang menjalankan perniagaan membawa pelancong melawat kem penganas komunis dan usaha pihak Muzium Tentera Darat menjejak lokasi pertempuran penting dan menggali semula jenazah-jenazah perajurit yang ditanam di dalam hutan seperti yang berlaku dalam peristiwa serang hendap Gua Musang.

Kini aktiviti mendaki bukit atau gunung telah menjadi satu aktiviti rekreasi paling popular atau 'goreng pisang panas' dalam kalangan anak muda. Hampir semua lokasi tanah tinggi yang ada di dalam setiap negeri menjadi lokasi tumpuan anak-anak muda bagi menawannya. Setiap negeri mempunyai lokasi pendakian popular masing-masing. Malah lokasi-lokasi pendakian ini turut menarik minat pendaki-pendaki dari luar negara yang

mengalami kelesian hutan hujan dan kecantikan gunung dan perbukitan dalam negara.

Sungguhpun demikian, adalah di dapati kegilaan anak-anak muda dengan aktiviti mendaki tidak diasuh dengan baik yang mana kebanyakan mereka melakukan aktiviti mendaki tanpa persediaan yang mencukupi, menyebabkan hampir saban minggu ada sahaja kemalangan sewaktu pendaki dilaporkan berlaku. Sesar, hilang, jatuh atau tergelincir, kesejukan gunung, gigitan serangga berbisa, lemas atau hanyut dibawa arus kepala air.

Kadang kala jenis kemalangan juga sangat memeranjatkan kerana ia berlaku di kawasan pendakian yang selamat dan mudah dilakukan. Inilah yang menjadi satu fenomena kepada kemalangan pendaki.

Berdasarkan kajian pendaki

tegar atau profesional iaitu Brigedier Jeneral Datuk Dr. Mohd. Radzi Abdul Hamid, yang berpengalaman lebih 35 tahun dalam pendakian; beliau mendapati kebanyakan kemalangan pendaki yang berlaku dalam negara adalah kemalangan yang boleh dielakkan.

Dalam masa yang sama, beliau tidak menolak faktor malang tidak berbau. Tetapi berdasarkan pemerhatian beliau, kemalangan pendaki yang berlaku adalah disebabkan oleh kurangnya pengetahuan asas berkaitan aktiviti dan cabaran yang akan dihadapi ketika mendaki.

Bagi membantu anak-anak muda tanah air ke arah memiliki pengetahuan asas pendakian beliau menulis sebuah buku panduan pendakian *Kitab Pendaki Gunung*. Ia ditulis berdasarkan pengalaman lebih 35 tahun bergelung dengan hutan dan pergunungan semasa operasi memburu penganas komunis.

Buku setebal 419 muka surat ini mempunyai 25 bab yang menjelaskan pelbagai maklumat berkaitan pendakian antaranya memilih peralatan mendaki yang sesuai lagi tepat, tahap skala cabaran pendakian dan tataraca pendakian.

Kitab Mendaki Gunung turut memuatkan panduan pengajaran aktiviti pendakian, panduan dan tindakan kepada kemalangan pendaki, tindakan mencari

pendaki sesat, tindakan berhadapan dengan binatang buas serta panduan memilih tumbuhan dan binatang atau serangga yang boleh dimakan atau iktiar hidup ketika sesat.

Ia memaparkan satu bab khas bagi panduan pendaki wanita. Dalam bab ini dijelaskan berkaitan panduan persiapan alat dan diri pendaki wanita dan tip-tip pendakian dan ketika bermalam di *campsite*. Lebih menarik buku ini turut menyediakan panduan solat dan doa keselamatan ketika mendaki dan senarai bukit dan gunung dalam negara yang popular untuk didaki.

Penulis turut berkongsi pengalaman mendaki gunung tertinggi di Asia Tenggara iaitu Gunung Kinabalu untuk dikongsi bersama pembaca.

Ketika ditanya harapan beliau kepada hasil penulisan ini, Mohd. Radzi atau lebih dikenali dalam kalangan pendaki dengan nama panggilan 'Pena Celoreng', mengharapkan anak-anak muda atau sesiapa sahaja yang ingin berjinak-jinak dengan aktiviti pendakian melakukan persediaan terlebih dahulu sebelum memulakan aktiviti pendakian.

Persediaan adalah kunci utama kepada satu ekspedisi yang sistematik, selamat dan menghiburkan. *Kitab Pendaki Gunung* dilancarkan Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Ibnu Sultan Sharafuddin Idris Shah, di Gunung Nuang sempena pembukaan semula *trail* Gunung Nuang yang lebih satu tahun ditutup.

Dalam pelancaran ini Tengku Amir Shah turut meluahkan masa mendaki Gunung Nuang bersama beberapa orang kerabat di Raja Selangor dan mahasiswa MSU, Shah Alam dan anggota tentera dari 11 Briged Infantri Malaysia.



KERATAN AKHBAR		
30 April 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	UEM Edgenta, syarikat Arab Saudi jalin kerjasama strategik
Muka Surat	:	34

UEM Edgenta, syarikat Arab Saudi jalin kerjasama strategik

Oleh **SHAFIQAH SHUKOR**
 shafiqah.shukor@mediamajlis.com.my

PETALING JAYA: UEM Edgenta Berhad (UEM Edgenta) telah menandatangani Memorandum Eksplorasi Perniagaan (MoBE) dengan Asma Advance Solutions LLC (Asma Advanced) bagi mengenal pasti strategi untuk memperluaskan pasaran perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan dan pasaran pengurusan fasiliti bersepadu di Arab Saudi.

Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, Syahrizam Samsudin memberitahu, MoBE itu dijangka membuka jalan kerjasama masa hadapan bagi meneroka dan mengenal pasti peluang yang berpotensi dalam usaha untuk memperluaskan perniagaan yang berdaya maju secara komersial di Arab Saudi.

"Melalui kerjasama strategik itu, kedua-dua pihak akan mengadakan perbincangan bersama dalam tempoh lapan bulan akan datang dan memanfaatkan kekuatan semua pihak untuk meneroka peluang perniagaan.

"Ia menandakan lebih banyak peluang untuk kami mempelbagaikan lagi aliran pendapatan syarikat ketika meneroka



MOHAMED Azmin Ali menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Eksplorasi Perniagaan antara Syahrizam Samsudin (kanan) dan Sheikh Abdulwahab Nasser Al-Akeel.

pasaran baharu di Arab Saudi," katanya dalam kenyataan.

Tambahnya, pihaknya yakin kerjasama dengan Asma Ad-

vanced itu akan mendorong pertumbuhan selanjutnya dalam strategi pengembangan serantau, untuk merealisasikan

visi *Edgenta of the Future 2025*.

Majlis tersebut disaksikan oleh Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Indus-

tri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Sementara itu, Pengerusi Asma Advanced, Sheikh Abdulwahab Nasser Al-Akeel menjelaskan, aspirasi pihaknya ialah untuk menjadi penyedia pilihan, terutamanya dalam bidang penyelesaian kesihatan dan alam sekitar.

"Kami amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan UEM Edgenta, syarikat penyedia perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan yang berpengalaman di mana kami kini sedang memperkenalkan penyelesaian inovatif ke pasaran Arab Saudi.

"MoBE akan menggariskan kerjasama yang rapat antara kedua-dua pihak termasuk mengenal pasti peluang yang berpotensi untuk UEM Edgenta membuktikan kemampuannya dan menawarkan penyelesaian bagi mewujudkan struktur komersial, sekiranya wujud peluang sebelum akhir Disember 2021," katanya.

Asma Advanced merupakan sebuah syarikat yang dimiliki bersama oleh Progressive Impact Corporation Berhad dan syarikat saham bersama tertutup Arab Saudi, Trade House Group Company.



KERATAN AKHBAR

30 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	DBKL dah bayar tunggakan
Muka Surat	:	28

ISU BEKALAN AIR 3 BLOK PA

DBKL dah bayar tunggakan

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menjalankan semakan dan siasatan mengenai jumlah bayaran bil air tertunggak membabitkan tiga blok Perumahan Awam (PA) Sri Kelantan, Sentul di sini, yang mengalami isu pemotongan bekalan air oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd sejak Selasa lalu.

DBKL dalam satu kenyataan, semalam memaklumkan tiga blok perumahan PA terbabit diuruskan secara berasingan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan DBKL yang berkongsi meter air pukal.

“Begitupun, DBKL mengambil tindakan segera dengan menyelesaikan bayaran kepada pihak syarikat Air Selangor bagi memastikan penduduk di PA ini terus mendapat be-

kalan air.

“Satu mesyuarat berkaitan jumlah bayaran bil air tertunggak akan dilaksanakan dalam masa terdekat dengan pihak-pihak terbabit,” menurut kenyataan itu.

DBKL juga sedang mengkaji kemungkinan untuk melaksanakan pemecahan meter secara individu supaya dapat menyelesaikan isu tunggakan sedia ada memandangkan ketiga-tiga blok PA terbabit menggunakan meter pukal.

Kelmarin, media melaporkan penduduk di tiga blok PA itu didakwa kerap berdepan gangguan bekalan air akibat tunggakan mencecah RM97,000 membabitkan satu blok dan perkara itu disifatkan tidak adil kerana turut memberi kesan kepada penduduk di dua blok lagi di kawasan perumahan berkenaan.



KERATAN AKHBAR

30 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	UEM Edgenta teroka pasaran Arab Saudi
Muka Surat	:	32



SYAHRUNIZAM (duduk, kanan) dan Sheikh Abdulwahab (duduk, kiri) menandatangani MoBE.

UEM Edgenta teroka pasaran Arab Saudi

Kuala Lumpur: UEM Edgenta Bhd memeterai memorandum eksplorasi perniagaan (MoBE) bersama Asma Advanced Solutions LLC (Asma Advanced) bagi mengenal pasti strategi memperluaskan perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan dan pengurusan fasiliti bersepadu di Arab Saudi.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, Syahrudin Samsudin berkata, MoBE dijangka membuka ruang kerjasama meneroka dan mengenal pasti peluang yang berpotensi dalam usaha memperluaskan perniagaan secara komersial di Arab Saudi.

Beliau berkata, melalui kerjasama strategik itu, kedua-dua pihak akan mengadakan perbincangan bersama dalam tempoh lapan bulan akan datang dan memanfaatkan kekuatan masing-masing bagi meneroka peluang perniagaan.

"Ini menandakan lebih banyak peluang untuk kumpulan mempelbagaikan lagi aliran pendapatan ketika meneroka pasaran baharu di Arab Saudi.

"UEM Edgenta gembira dengan prospek ini, ketika menuju ke arah pemulihan ekonomi pasca pandemik. Menerusi pengalaman kami dalam sektor sokongan penjagaan kesihatan, kerjasama dengan Asma Advan-

ced ini akan mendorong pertumbuhan selanjutnya dalam strategi pengembangan serantau kumpulan.

"Ini juga sekali gus akan merealisasikan visi *Edgenta of the Future 2025*," katanya selepas majlis menandatangani memorandum itu di Riyadh.

Majlis disaksikan Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Asma Advanced adalah syarikat yang dimiliki bersama oleh Progressive Impact Corporation Bhd (PICORP) dan syarikat saham bersama tertutup Arab Saudi, Trade House Group Company (THG).

Sementara itu, Pengerusi Asma Advanced, Sheikh Abdulwahab Nasser Al-Akeel berkata, kumpulan berhasrat menjadi penyedia pilihan, terutama dalam bidang penyelesaian kesihatan dan alam sekitar.

Beliau berkata, kerjasama dengan UEM Edgenta adalah satu penghormatan berdasarkan kepada kredibiliti dan pengalamannya dalam perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan.

MoBE akan menggariskan kerjasama erat antara kedua-dua pihak termasuk pembabitian pihak berkepentingan yang berkaitan dan memahami peraturan serta keperluan pasaran tertentu.



KERATAN AKHBAR		
30 April 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	UEM Edgenta teroka pasaran Arab Saudi
Muka Surat	:	37

UEM Edgenta teroka pasaran Arab Saudi

PETALING JAYA – Syarikat pengurusan aset dan penyelesaian infrastruktur terkemuka, UEM Edgenta Bhd. (UEM Edgenta) menandatangani memorandum eksplorasi perniagaan (MoBE) dengan Asma Advanced Solutions LLC (Asma Advanced) sekali gus menandakan kemasukannya ke pasaran Arab Saudi.

Memorandum itu bagi mengenal pasti strategi untuk memperluaskan pasaran perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan dan pasaran pengurusan fasiliti bersepadu di negara tersebut.

Asma Advanced merupakan syarikat yang dimiliki bersama oleh Progressive Impact Corporation Bhd. (Picorp) dan Syarikat Saham Bersama Tertutup Arab Saudi, Trade House Group Company (THG).

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, Syahrudin Samsudin berkata, pihaknya sangat gembira dengan prospek untuk mempelbagaikan lagi aliran pendapatan syarikat dengan meneroka pasaran baharu di Arab Saudi, ketika sedang menuju ke arah pemulihan ekonomi pascapandemik.

“Kami yakin kerjasama dengan Asma Advanced ini akan mendorong pertumbuhan selanjutnya



SYAHRUNIZAM (duduk, kanan) bersama Sheikh Abdul Wahab menandatangani MoBE sambil disaksikan Mohamed Azmin (berdiri, dua dari kanan) pada majlis yang diadakan di Riyadh semalam.

dalam strategi pengembangan serantau, untuk kami merealisasikan visi *Edgenta of the Future 2025*,” katanya dalam siaran akhbar yang dikeluarkan sempena majlis menandatangani perjanjian yang diadakan di Riyadh semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Asma Advanced, Sheikh

Abdul Wahab Nasser Al-Akeel dan Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Sementara itu, Sheikh Abdul Wahab berkata, inspirasi pihaknya adalah untuk menjadi penyedia pilihan, terutamanya dalam bidang penyelesaian kesihatan

dan alam sekitar.

“Kami berbesar hati dapat bekerjasama dengan UEM Edgenta, syarikat penyedia perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan yang berpengalaman ketika kami sedang memperkenalkan penyelesaian inovatif ke pasaran Arab Saudi,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

30 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pulanglah Sajat, tak lama lagi hari raya
Muka Surat	:	16



Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

Pulanglah Sajat, tak lama lagi hari raya

PEJAM celik, pejam celik sudah hampir tiga bulan usahawan kosmetik, Nur Sajat atau nama sebenarnya, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman hilang daripada pandangan umum.

Ada yang kata, Sajat kini bersembunyi di Thailand. Ada pula yang mendakwa pernah ternampak kelibat penyanyi lagu *Bobo Di Mana* itu di Johor serta Kelantan.

Sajat di mana? Di mana pun keberadaannya, Merak Jalanan berharap pemuda berusia 36 tahun itu keluar dari

tempat persembunyian dalam kadar segera, lebih-lebih lagi raya sudah nak dekat.

Seorang teman Merak Jalanan berkata, Sajat perlu *gentlemen* dalam berhadapan dengan kes yang dihadapinya.

"Jat ni, aku peliklah. Kenapa mahu menyorok sedangkan dia tak berhadapan sebarang pertuduhan atau hukuman yang berat di mahkamah.

"Sampai bila dia mahu bersembunyi? Raya dah nak dekat ni. Aku risau dia kemurungan bila dengar lagu raya."

kata seorang rakan lagi.

Merak Jalanan mahu ingatkan Sajat, sambutan 1 Syawal di 'perantauan' tidak semeriah sambutan di negara sendiri biar pun ketika ini kita berdepan pandemik Covid-19.

Bagi yang malas membaca dan tiada klu kenapa Sajat menghilangkan diri, biar Merak Jalanan jelaskan kenapa dia diburu pihak berkuasa.

Pertama, pada 23 Februari lalu, Mahkamah tinggi Syariah Shah Alam mengeluarkan tangkap terhadap Sajat

kerana gagal menghadirkan diri pada sebutan semula kesnya berhubung menghina Islam tanpa sebarang sebab.

Kedua, Sajat bersembunyi sebagai waran tangkap dikeluarkan mahkamah dalam usaha mengelak dikesan pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Apa pun, jika benar Sajat bersembunyi di luar negara, Merak Jalanan berharap dia tidak mengalami sebarang kesukaran untuk menjalani ibadah puasa dan mudah mendapat makanan halal untuk terbuka dan bersahur.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

30 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Covid-19: MB Selangor panggil sidang khas
Muka Surat	:	30

Covid-19: MB Selangor panggil sidang khas

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari akan memanggil sidang khas Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negara (Negeri Selangor) pada Jumaat (hari ini) susulan peningkatan kes Covid-19 di negeri ini.

Menerusi ciapan di laman Twitter pada Khamis, Amirudin memaklumkan, sidang khas itu bertujuan meneliti semula pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negeri ini.

Beliau berkata, mesyuarat akan membincangkan syor-syor pelaksana-

naan PKPB di Selangor kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk pertimbangan kerajaan Persekutuan.

"Hari ini hari ketiga berturut-turut kes baru Covid-19 kembali mencecah empat angka, esok pagi (Jumaat) saya memanggil sidang khas bagi meneliti semula pelaksanaan PKPB di seluruh Selangor," katanya.

Berdasarkan pecahan kes Covid-19 pada Khamis, Selangor merekodkan jumlah tertinggi dengan 1,083 kes diikuti Sarawak (522) dan Kelantan (401).



Hari ini hari ketiga berturut-turut kes baru Covid-19 kembali mencecah empat angka, esok pagi (Jumaat) saya memanggil sidang khas bagi meneliti semula pelaksanaan PKPB di seluruh Selangor."

- Amirudin



KERATAN AKHBAR

30 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	DBKL langsaikan tunggakan bil air PA Sri Kelantan
Muka Surat	:	30

DBKL langsaikan tunggakan bil air PA Sri Kelantan

KUALA LUMPUR - Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memandang serius isu pemotongan bekalan air di Perumahan Awam (PA) Sri Kelantan yang dilaksanakan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Unit Media DBKL berkata, pihaknya sedang menjalankan semakan dan siasatan mengenai jumlah bayaran bil air tertunggak di PA tersebut yang kini di bawah pengurusan berbeza iaitu Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan sebahagian masih di bawahnya.

“Begitupun, DBKL telah mengambil tindakan segera dengan menyelesaikan bayaran kepada Air Selangor bagi memastikan penduduk di sana terus mendapat bekalan air.

“Satu mesyuarat berkaitan jumlah bayaran bil air tertunggak akan dilaksanakan dalam masa terdekat dengan pihak-pihak yang terlibat,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurut kenyataan itu, DBKL juga sedang mengkaji kemungkinan untuk melaksanakan pemecahan meter secara individu.

“Ia bagi menyelesaikan isu tunggakan sedia ada memandangkan ketika ini ketiga-tiga blok PA ini menggunakan



Laporan *Sinar Harian* pada Rabu.

meter pukal,” katanya.

Pada Rabu, *Sinar Harian* melaporkan penduduk di tiga blok PA Sri Kelantan menghadapi gangguan bekalan air sejak petang Selasa selepas Air Selangor melakukan pemotongan susulan isu tunggakan didakwa mencecah RM97,000.

Blok A dan B diuruskan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) manakala Blok C masih diuruskan oleh DBKL dan kesemua blok di situ masih berkongsi satu akaun yang sama.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 April 2021		
Akhbar	:	Malaysiakini Online
Tajuk Berita	:	Susulan kes naik, MB S'gor mesyuarat teliti semula pelaksanaan PKPB
Muka Surat	:	-

The screenshot shows a news article on the Malaysiakini website. The article title is "Susulan kes naik, MB S'gor mesyuarat teliti semula pelaksanaan PKPB". The article is dated 29 April 2021 and is attributed to Bernama. The article text discusses the Selangor government's decision to review the implementation of the Movement Control Order (MCO) in light of a rising number of COVID-19 cases. It mentions that the Menteri Besar, Amirudin Shari, will convene a meeting with the relevant agencies to discuss the situation. The article also notes that the number of new cases reported on Wednesday (28 April) was 3,142, which is higher than the 2,733 cases reported on Tuesday (27 April) and the 750 cases reported on Monday (26 April).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

29 April 2021

Akhbar	:	Nasional FM (87.7)
Tajuk Berita	:	Covid-19 : MB Selangor Akan Adakan Mesyuarat
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 April 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Jangan ulangi nasib Nanggala 402
Muka Surat	:	-

The screenshot shows a news article on the Sinar Harian website. The article title is "Jangan ulangi nasib Nanggala 402" (Don't repeat the fate of Nanggala 402). The article is dated 30 April 2021 and is written by A. A'. The main text discusses the importance of safety in the shipping industry, particularly in the context of the Nanggala 402 incident. It mentions that the ship was carrying 100 tons of hazardous waste and that the incident resulted in the loss of 26 lives in Indonesia. The article also includes a list of related news items and a newsletter sign-up form.

Artikel Berkaitan

- KIR Nanggala 402 tenggelam**
JAWA: Kapal perang Indonesia, KIR Nanggala 402 yang membawa 10 ton bahan berbahaya tenggelam di perairan Selat Karimata, Kepulauan Bangka Belitung.
- KIR Nanggala 402: Operasi penyelamatan**
PUSKOPUS kapal selam Indonesia, KIR Nanggala 402 berumur 53 tahun yang akan berakhir melakukan operasi selamannya pada jam 3 pagi, Sabtu...
- Nasib 53 kru KIR Nanggala 402 masih belum diketahui**
JAWA: PENYISIRAN kapal selam KIR berumur 53 tahun ke arah selat Karimata, Kepulauan Bangka Belitung berakhir pada Sabtu, 27 April 2021.
- TLOM bantu pencarian kapal selam TNI Indonesia**
JAWA: Misi penyelamatan kapal selam TNI Indonesia yang tenggelam di perairan Karimata, Kepulauan Bangka Belitung berakhir pada Sabtu, 27 April 2021.
- KIR Nanggala 402: Insiden risiko kapal selam operasi SAR**
JAWA: Perhelatan Indonesia, Asia Tenggara dan Pasifik Selatan, Selasa, 27 April 2021 berakhir pada Sabtu, 27 April 2021.
- Kerugian diprediksi komponen kapal selam TNI ditinjau**
JAWA: Bencana kapal selam Indonesia, KIR Nanggala 402 yang membawa 10 ton bahan berbahaya tenggelam di perairan Selat Karimata, Kepulauan Bangka Belitung.

Newsletter
 Kami akan kirimkan berita-berita terbaru ke email Anda.
 Nama: _____
 Email: _____
 Saya ingin berlangganan dan menerima berita-berita terbaru.
 Lapor

Sinar Harian
 Sinar Harian Online
 Sinar Harian TV
 Sinar Harian Radio
 Sinar Harian Mobile
 Sinar Harian Print
 Sinar Harian Digital
 Sinar Harian Social Media
 Sinar Harian Website
 Sinar Harian App Store
 Sinar Harian Google Play

© 2021 All Rights Reserved. Sinar Harian Online • © 2021 Sinar Harian • Sinar Harian Group



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
29 April 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	MBSJ kutip sampah pukat percuma menjelang Syawal
Muka Surat	:	-

The screenshot shows a news article from Sinar Harian Online dated 29 April 2021. The main headline is "MBSJ kutip sampah pukat percuma menjelang Syawal". The article text includes:

A A'

SURABAYA, 28 April - Majlis Bandaraya Selangor (MBSJ) menawarkan perkhidmatan kutip sampah pukat secara percuma kepada semua penduduk di penempatan teres di kawasan pentadbiran MBSJ menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Tindakan Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ, Afdialul Akmal Abdul Samad, berkata, perkhidmatan tersebut dibenarkan bermula mulai sehingga 30 Mei 2021 iaitu KECER Waste Management Sdn Bhd.

Menurutnya, tindakan tersebut bertujuan untuk mengurangkan jumlah sampah plastik, kardus, botol, bungkusan plastik, tisu dan tidak termasuk sampah berat seperti besi, aluminium, paip, barangan elektronik, kenderaan dan sebagainya. Selain itu, tindakan ini juga bertujuan untuk mengurangkan jumlah sampah yang dibuang ke tempat pembuangan akhir.

"Perkhidmatan tersebut dibenarkan teras kepada KECER Waste Management Sdn Bhd bermula mulai sehingga 30 Mei 2021 iaitu melalui talian 03-5544457 atau melalui WhatsApp di 011-3558457. Tarikh tindakan tersebut berakhir pada 30 Mei 2021.

"Perkhidmatan akan dibenarkan kepada penduduk di kawasan pentadbiran MBSJ dan pentadbiran teres di kawasan pentadbiran MBSJ yang dibenarkan untuk dibenarkan, "katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Di bawah teras, tertera senarai lokasi-lokasi yang dibenarkan untuk menerima sampah pukat percuma.

TEROKA | POPULAR

1. Pengerusi Majlis Perbandaran Seremban
2. Pengerusi Majlis Perbandaran Seremban
3. Menteri Kanan (Kementerian Dalam Negeri)
4. Menteri Kanan (Kementerian Dalam Negeri)
5. Menteri Kanan (Kementerian Dalam Negeri)

Di bawah teras, tertera senarai lokasi-lokasi yang dibenarkan untuk menerima sampah pukat percuma.

Artikel Berkaitan

- Pris, MBSJ serbu kedai jaja**
MBSJ serbu kedai jaja di kawasan pentadbiran MBSJ, Bandaraya Selangor, pada 28 April 2021.
- MBSJ tuntut perkhidmatan perkhidmatan Dapur**
MBSJ tuntut perkhidmatan perkhidmatan Dapur di kawasan pentadbiran MBSJ, Bandaraya Selangor, pada 28 April 2021.
- Bandaraya Kuantan: Pahang bersedia for awal kemunculan insiden**
Bandaraya Kuantan, Pahang bersedia for awal kemunculan insiden di kawasan pentadbiran MBSJ, Bandaraya Selangor, pada 28 April 2021.
- Barang elektronik tidak jadi MBSJ kutip**
MBSJ tidak mengutip barang elektronik di kawasan pentadbiran MBSJ, Bandaraya Selangor, pada 28 April 2021.
- Kawasan MBSJ inondasi pada 2020, hampir jenuh sampah**
Kawasan MBSJ inondasi pada 2020, hampir jenuh sampah di kawasan pentadbiran MBSJ, Bandaraya Selangor, pada 28 April 2021.
- MBSJ kutip sampah pukat percuma**
MBSJ kutip sampah pukat percuma di kawasan pentadbiran MBSJ, Bandaraya Selangor, pada 28 April 2021.

Newsletter

Sign up for our newsletter to receive the latest news and updates from Sinar Harian Online.

Sinar Harian Online

Download our mobile app on the App Store or Google Play.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 April 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Bring back practice of Rule 5, say city folk
Muka Surat	:	2



Bring back practice of Rule 5, say city folk

It can help address or minimise concerns over development



Tan Sri Dr Ismail, Residents Association chairman Abdul Hafiz Abu Bakar showing a copy of DBKL's proposed to change an residential land status - Flapig

BY YUENTHIAN
 KUALA LUMPUR City Hall (DBKL) has been urged to consider holding public objection hearings — a practice for under Rule 5 of a by-law in the Federal Territory Planning Act 1982 — to give stakeholders an avenue to raise concerns and ask for more information on proposed developments in the capital.

KLRA president Abdul Hafiz Abu Bakar said that the practice of Rule 5 was not just a procedural necessity.

“This Federal Territory Planning Act 1982 is a legacy of the Federal Government, which public participation was not only required for the proposed project construction of the plan.

“Rule 5 is a provision of law that requires all major projects in the region to be subject to a public hearing to give stakeholders an avenue to raise concerns and ask for more information on proposed developments in the capital.

“Without the practice of Rule 5, property owners may be unaware of a new development project on their surrounding land.

“New Kuala Lumpur (NewKL) is a new government development, involving a large-scale project in the city that will change the way we live and work in the city.

“A large portion of the population might not have had the chance to voice their views or know how to go about getting the relevant information and comparison.

“Rule 5 is important. There will be a greater possibility of people coming to know of potential developments, and give their input. These concerns can then be addressed or mitigated.”

“At the same time, it will also ensure that those who wanted to have their voices heard will have a chance to be heard.

“The KLCP 2020 that amendment before it was gazetted in 2018.

“It was a hearing for the people to voice their views on the proposed project of the city plan. It was a hearing for the people to voice their views on the proposed project of the city plan. It was a hearing for the people to voice their views on the proposed project of the city plan.



Public hearing session with stakeholders to comment on a proposed development.

Kilnes want Rule 5 improved
 Residents Association chairman Abdul Hafiz Abu Bakar said that the practice of Rule 5 was not just a procedural necessity.

“This Federal Territory Planning Act 1982 is a legacy of the Federal Government, which public participation was not only required for the proposed project construction of the plan.

“Rule 5 is a provision of law that requires all major projects in the region to be subject to a public hearing to give stakeholders an avenue to raise concerns and ask for more information on proposed developments in the capital.

“Without the practice of Rule 5, property owners may be unaware of a new development project on their surrounding land.

“New Kuala Lumpur (NewKL) is a new government development, involving a large-scale project in the city that will change the way we live and work in the city.

“A large portion of the population might not have had the chance to voice their views or know how to go about getting the relevant information and comparison.

“Rule 5 is important. There will be a greater possibility of people coming to know of potential developments, and give their input. These concerns can then be addressed or mitigated.”

“At the same time, it will also ensure that those who wanted to have their voices heard will have a chance to be heard.

“The KLCP 2020 that amendment before it was gazetted in 2018.

“It was a hearing for the people to voice their views on the proposed project of the city plan. It was a hearing for the people to voice their views on the proposed project of the city plan.

Look to neighbouring city
 DBKL is looking to learn from other cities, especially concerning applications for developments under various of the various changes in the city plan has been gazetted.

“The hearing for the people to voice their views on the proposed project of the city plan. It was a hearing for the people to voice their views on the proposed project of the city plan.

“The KLCP 2020 was gazetted with at least 200 days involving increased public consultation for the people to voice their views on the proposed project of the city plan.

“There are objections, a committee will look into the objections and the developer to address all their concerns with relevant documents.”

“The MPP and committees will then proceed the discussion at the One Stop Centre meeting for the public to voice their views on the proposed project of the city plan.

“The city plan has been gazetted in 2018, but in order to provide transparency with the proceedings, it is vital to engage with those who will be affected by it and give them their voice in the public hearing.”

“DBKL has yet to comment on the matter at press time.”



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

30 April 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COUNCIL MATTERS
Muka Surat	:	2

COUNCIL MATTERS

> Ampang Jaya Municipal Council is organising a spring cleaning until May 12 for folk to dispose off furniture and garden waste. Schedule an appointment via the i-Clean Selangor apps, call 1-800-88-2428/ 019-375 9592 or WhatsApp 019-274 2824. This service is free. For details, call the Solid Waste and Public Cleaning Department at 03-4285 7044

> Throughout Ramadan, Subang Jaya City Council depots in Bandar Puteri Puchong, Seri Kembangan and Subang are open from 8am to 4.30pm (Monday to Thursday) with no breaks in between, except on Friday when counters are closed from 12.15pm to 2.45pm.

> In conjunction with the upcoming Hari Raya Aidilfitri, Shah Alam City Council will provide roll-on, roll-off bins for the public to dispose of bulk waste. A total of 294 three-tonne bins will be placed in Section 1 to Section 36, and Section U1 to Section U20. The free service will run until May 11. For a full list of bin locations and dates, visit MBSA's social media platforms. For details, call the Solid Waste Management and Public Cleansing Department at 03-5510 5133 ext 1316.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

30 April 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	VIRTUAL RUN
Muka Surat	:	2

VIRTUAL RUN

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd is organising a virtual run until May 10 via the JomRun platform. The event has two categories – 5km and 21km with admission tickets priced at RM10 and RM25, respectively. Proceeds from ticket sales will go towards a non-governmental organisation Friends of River. For details, visit www.airselangor.com



KERATAN AKHBAR
30 April 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Charting her course
Muka Surat	:	3



Holding the helm

Skipper Norma Nordin aims to help build character and good values in the youth that she trains through the sea scouts programme.

By ANNIE TEOH
 @annie.teoh@theonion.com.my

THEY may only be "kids", but they're out in front with the boys. Blue heads over the skipper Norma Nordin and her crew of teenagers between the ages of 14 to 17. Norma is a skipper of sea scouts, and not only is she the first Malaysian female skipper to have participated in the Raja Muda Selangor International Regatta, but last year she was the only one with an entire crew of teens.

"It's an overnight sail. We're given 24 hours to reach each destination and there is a point system, the first to reach in our class wins," says Norma, explaining that the regatta consists of three passage races: Port Klang to Langkawi, Penang to Penang, Penang to Langkawi. They sail 400km in total, and have three days of harbour racing around the Islands of Penang and Langkawi. As all the other teams comprised adult crews, nobody really saw them as big competitors, shares Norma.

But they were third place overall. They also won first place (Class E) in the Penang Harbour Race and second place (Class E) in the Penang to Langkawi Passage Race, the same year.

